

PROSIDING / *PROCEEDINGS OF*
PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI MALAYSIA
THE MALAYSIAN NATIONAL ECONOMIC CONFERENCE

ISSN: 2231-962X

2016

DITERBITKAN OLEH / *PUBLISHED BY*
PUSAT PENGAJIAN EKONOMI
FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

DICETAK OLEH / *PRINTED BY*
PENERBIT UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Cetakan Pertama / First Printing 2016
Hak Cipta/ Copyright--Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Faculty of Economics and Management UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PUSAT PENGAJIAN EKONOMI
FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN UKM
43600 UKM BANGI, Selangor D.E, Malaysia
<http://www.ukm.my/fep>
e-mel: pppe@ukm.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PENERBIT UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publications Data

Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke – 11, 2016.
Kelestarian Dasar Awam, Daya Tahan Ekonomi Dan Kesejahteraan Sejagat

ISSN 2231-962X



9 772231 962006 >

LATAR BELAKANG PERKEM / ABOUT PERKEM

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) merupakan siri seminar tahunan anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Persidangan ini menyediakan platform kepada para penyelidik, pembuat dasar dan mereka yang berminat untuk mengikuti dan mengetahui perkembangan ekonomi Malaysia secara lebih dekat melalui pembentangan hasil-hasil penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap pelbagai persoalan berkaitan pertumbuhan, pembangunan ekonomi dan persekitaran perniagaan. Melalui persidangan ini, selain menambah khazanah ilmu dalam bidang ekonomi dan perniagaan, dapatan kajian yang dibentangkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada mereka yang terlibat dalam menyediakan rancangan-rancangan pembangunan pada masa hadapan, khususnya yang melibatkan ekonomi Malaysia.

The Malaysian National Economic Conference (PERKEM) is an annual seminar series organized by School of Economics, Faculty of Economics and Management, The National University of Malaysia (UKM). This conference provides a platform for researchers, policy makers and those who are interested to know and keep trail regarding Malaysia's economic development through the presentation of research findings that focus on various issues pertaining to economic development, growth and business environment. Through this conference, apart from adding to the body of knowledge in economics and business discipline, findings from presented papers are useful as reference point for those involved in preparing future development plans, especially with regards to the Malaysian economic.

Laman Web Persidangan / Conference Website

<http://www.ukm.my/fep/perkem/perkem2016>

Prosiding PERKEM

Kertas kerja persidangan akan diterbitkan di dalam prosiding PERKEM.

Kertas kerja juga boleh dipertimbangkan untuk diterbitkan dalam Jurnal Ekonomi Malaysia. Jurnal Ekonomi Malaysia diterbitkan oleh Penerbit UKM dan diindeks oleh Scopus.

*Conference papers will be published in PERKEM proceedings.
Papers may also be considered for publication in the Malaysian Journal of Economics.
Malaysian Journal of Economics is published by Penerbit UKM and indexed by Scopus.*

Laman Web Siri Prosiding / Website for Proceedings Series

<http://www.ukm.my/fep/perkem>

Prosiding / Proceedings of

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI MALAYSIA
PERKEM KE – 11 2016
THE MALAYSIAN NATIONAL ECONOMIC CONFERENCE
11th PERKEM 2016**

27 – 28 Julai 2016

Hotel Bangi-Putrajaya, SELANGOR, MALAYSIA

ISSN: 2231-962X

2016

PERSIDANGAN / CONFERENCE

Tema utama persidangan pada tahun 2016 ialah “Kelestarian Dasar Awam, Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Sejahtera”.

- Objektif
- Mengenal pasti cabaran dan halangan untuk mengekalkan kelestarian dasar awam dan daya tahan ekonomi negara dalam persekitaran global dan domestik yang tidak menentu;
 - Berkongsi dan bertukar idea di kalangan ahli akademik, penggubal dasar, pengamal, dan penyelidik mengenai langkah-langkah yang pragmatik untuk menangani isu-isu sosio-ekonomi semasa;
 - Membahas penemuan terkini kajian dan resolusi yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk pelaksanaan dasar awam ke arah pencapaian agenda pembangunan sosio-ekonomi negara yang lebih lestari (outcome-based).

The main conference theme in year 2016 is “Sustainable Public Policy, Economic Resilience and Universal Well-Being”.

- Objectives*
- *to identify the challenges and obstacles to maintain the sustainability of public policies and economic resilience in the uncertain global and domestic environments;*
 - *to share and exchange ideas among academicians, policy makers, industry practitioners and researchers on a pragmatic measures to address the current issues of socio-economic;*
 - *to review the latest findings and resolution for the implementation of public policies towards achieving a more sustainable socio-economic development in the country (outcome-based).*

SUB-TEMA / SUB-THEMES

Program Transformasi Negara

- Program Transformasi Kerajaan
- Program Transformasi Ekonomi
- Program Reformasi Fiskal
- Dasar Pencukaian dan Program Pembangunan Sosial

Daya Tahan Ekonomi

- Kejutan Global (Krisis harga minyak dan kelembapan ekonomi dunia)
- Hutang Sektor Awam
- Perusahaan Kecil dan Sederhana
- Dasar dan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa
- Pelaburan Langsung Asing dan Pelaburan Portfolio
- Kestabilan Sektor Kewangan (Perbankan, Pasaran Saham dan Pasaran Modal)
- Dasar Penstabilan Makroekonomi
- Daya Tahan Sektor-sektor Ekonomi

Kesejahteraan Sejangat

- Kos Sara Hidup dan Kualiti Hidup
- Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan
- Agihan Pendapatan
- Kesihatan dan Jaminan Sosial
- Kesejahteraan Warga Emas, Kanak-kanak dan Wanita
- Isu Gelandangan dan Orang Kelainan Upaya
- Kelestarian Kualiti Alam Sekitar
- Pembangunan Wilayah, Luar Bandar dan Komuniti

Isu-isu lain

- Inovasi, Produktiviti dan Daya Saing
- Pasaran Buruh
- Kewangan dan Perbankan Islam
- Rantai Bekalan (Domestik dan Antarabangsa)
- Skim Mikro-Kredit
- Tadbir Urus dan Kualiti Institusi

PERKEM 2016
SIDANG EDITOR / *EDITORIAL BOARD*

Dr. Fathin Faizah Said
Dr. Norshamliza Chamhuri
Mr. Liew Chei Siang
Dr. Azrina Abdullah Al-Hadi

KANDUNGAN

<i>Kandungan</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>xvi</i>

Sesi 1A – Bilik Melati, Aras 2 (8.30 am – 10.30 am | 28 Julai 2016)

TEMA: PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA

Pengerusi Sesi: Prof. Dr. Rahmah Ismail

1A-1	The Impact of Social Capital on Poverty Incidence in Malaysia <i>Yvonne Lean-Ee Lee, Koong Seow Shin</i>	1
1A-2	Factors Influencing Consumers' Level of Acceptance of Goods and Services Tax: A Case of MBA Students <i>Hasnah Haron, Ishak Ismail, Yuvaraj Ganesan, Shalene Kalyanasundaram</i>	9
1A-3	Kajian Impak RTC dan MRTC Pahang <i>Fadzida Ismail, Yuserrie Zainuddin, Norazidah Shamsudin, Rozana Sahadan, Ramle Abid, Saiful Bahri Ahmad Bakarim</i>	20
1A-4	Understanding of Goods and Services Tax (GST) and Spending Behavior among Malaysian Consumers <i>Shafie Mohamed Zabri, Kamilah Ahmad, Tham Gen He</i>	27
1A-5	Tax Policies on Ijtimai Based Instruments in Malaysia <i>Suhaila Abdul Hamid, Abdullaah Jalil, Asharaf Mohd Ramli</i>	35
1A-6	Sectoral Prices Effect of Goods and Services Tax (GST) in Malaysia <i>Juliana Abdul Kadir, Zarinah Yusof, Mohamed Aslam</i>	41
1A-7	Adakah Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) Meningkatkan Penggunaan Individu? <i>Nor Asmat Ismail, Zulkifli Abdul Rahim</i>	47

Sesi 1B – Bilik Raya, Aras 2 (8.30 am – 10.30 am | 28 Julai 2016)

TEMA: DAYA TAHAN EKONOMI

Pengerusi Sesi: Prof. Madya Dr. Doris Padmini S. Selvaratnam

1B-1	Spekulasi Keuntungan Jualan Bertanggung : Analisis Perbezaan Perbankan Islam dan Konvensional <i>Muhamad Zuhaili Saiman, Ahmad Dahlan Salleh</i>	57
1B-2	Impact of Asymmetric Information on Foreign Capital Inflows <i>Raihan Ashikin Mohd Nor, Mohd Hasimi Yaacob, Hawati Janor</i>	64

1B-3	An Empirical Study of Contributing Factors on Tea Export of Zhejiang Province of CHINA Basing on TBT Measures of Gravity Model <i>Ming Fan</i>	71
1B-4	Capital Goods Export to Developing Economies: Implication of Patent Rights, Income and Imitation Ability <i>Rozilee Asid, Abu Hassan Shaari Md Nor, Tamat Sarmidi, Noor Aini Khalifah</i>	
1B-5	Sweetened and Unsweetened Seasoned Equity Offerings and their Impact on Creditors Wealth in Malaysia <i>Siti Nurhidayah Mohd Roslen, Cheng Fan Fah, Norhuda Abdul Rahim</i>	81
1B-6	Dasar Pengurangan Risiko Bencana: Perkongsian Pelbagai Pemegang Taruh dari Peringkat Kebangsaan ke Tempatan <i>Abdul Rahim Anuar, Roslina Kamaruddin, Soon Jan Jan, Siti Aznor Ahmad, Md Rabiul Islam</i>	89
1B-7	Symmetric and Asymmetric Cointegration Relationship between Malaysian Stock Market Index and Selected Macroeconomic Variables <i>Hakimah Nur Ahmad Hamidi, Norlin Khalid, Riayati Ahmad, Nur Fakhzan Marwan</i>	96

Sesi 1C – Bilik Mawar 1, Aras 1 (8.30 am – 10.30 am | 28 Julai 2016)

TEMA: KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Pengerusi Sesi: Dr. Norlin Khalid

1C-1	Set Minda Masyarakat Orang Kuala dan Kanaq dalam Pembangunan Modal Insan <i>Nurasyikin Ghazali, Mustaffa Omar, Nor Haidanadia Hasni</i>	105
1C-2	Kelestarian Praktis Kerja Sosial ke Arah Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Terpinggir di Malaysia <i>Mohd Suhaimi Mohamad, Sopian Brahim, Ezarina Zakaria, Norulhuda Sarnon @ Kusenin</i>	112
1C-3	Income Inequality and Shadow Economy: A Nonparametric and Semiparametric Analysis <i>Yap Wai Weng, Tamat Sarmidi, Abu Hassan Shaari Md Nor, Fathin Faizah Said</i>	121
1C-4	Regional Development Planning in Sarawak: The Potential of Samalaju Growth Node in Addressing the Spatial Inequalities in North Sarawak. <i>Daniel Ugih Echoh, Norizan Md Nor, Tarmiji Masron</i>	129
1C-5	Kesedaran Ibu bapa Terhadap Pendidikan Anak-Anak dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli <i>Wei Chooi Yi, Chia Mei Si</i>	136

1C-6	Putting Malaysian Rubbish Away: Lesson Learnt from Britons <i>Emy Ezura A Jalil</i>	143
1C-7	Kesan Tahap Pendidikan Terhadap Kemiskinan di Malaysia <i>Siti Hajar Ruslan, Siti Hajar Nadia Mohd Isa</i>	152

Sesi 1D – Bilik Mawar 2, Aras 1 (8.30 am – 10.30 am | 28 Julai 2016)

TEMA: ISU-ISU LAIN

Pengerusi Sesi: Dr. Mustazar Mansur

1D-1	Jaminan Pekerjaan daripada Pelaburan Modal Manusia: Bukti Empirikal di kalangan Pekerja Terlebih Didik dalam Sektor Awam <i>Raze Norshyahman Shahril, Hazrul Shahiri</i>	
1D-2	Tenaga Kerja Indonesia: Pengurusan Melalui ‘Duit Kopi’ <i>Muhammad Ridhwan Sarifin, Mohamad Fauzi Sukimi</i>	159
1D-3	Hubungan Antara Pengurusan Latihan Terhadap Penyesuaian Latihan di Malaysia <i>Siti Hajar Nadia Mohd Isa, Shanty Anuar, Siti Hajar Ruslan</i>	167
1D-4	Hubungan antara Penyesuaian Sistem Latihan Melibatkan Motivasi sebagai Pencelah dalam Organisasi <i>Shanty Anuar, Noorul Nazwa Aizad Mohd Mohyi, Siti Zubaidah Isa, Nur Naqibah Alwee</i>	176
1D-5	Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Membeli Takaful di Bandar Kota Bharu <i>Nor Hidayah Mat Ail, Hendon Redzuan</i>	186
1D-6	Impak Implementasi Sistem Pengurusan Kualiti Islam MS 1900 dalam Meningkatkan Amalan Inovasi di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia <i>Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani, Siti Arni Basir</i>	196
1D-7	Analisa Daya Saing Pekerja Bukan Akademik Universiti Awam di Malaysia <i>Mustazar Mansur, Yusrindal Yaakub, Mohd Azlan Shah Zaidi, Hazrul Izuan Shahiri</i>	204

Sesi 2A – Bilik Melati, Aras 2 (11.00 am – 1.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: DAYA TAHAN EKONOMI

Pengerusi Sesi: Dr. Norshamliza Chamhuri

2A-1	Daya Tahan Ekonomi Pengguna ke Arah Kelestarian Landskap Teknologi E-Perbankan <i>Shairil Izwan Taasim, Remali Yusoff</i>	210
------	--	-----

2A-2	Usahawan Desa di Pinggir Tasik Kenyir: Kesedaran dan Amalan dalam Melestarikan Produk Tempatan <i>Muhammad Abi Sofian Abdul Halim, Zuha Rosufila Abu Hasan, Noor Fadhiha Mokhtar</i>	216
2A-3	Connectedness between Manufacturing and Non-Manufacturing Sectors in Malaysia: Input-Output Approach <i>Loo Sze Ying</i>	227
2A-4	The Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) and Its Effects on The Malaysian Economic Transformation Programme (ETP) Relating to Healthcare and Generic Pharmaceuticals. <i>Farizah Mohamed Isa, Mardiah Hayati Abu Bakar</i>	234
2A-5	Mengupayakan Kualiti Produk Usahawan Bumiputera-Muslim di Malaysia <i>Buerah Tunggak, Sumi Isman, Maheran Asaron</i>	240
2A-6	Foreign Direct Investment and Economic Growth Nexus: A Bootstrap Rolling Window Approach <i>Elya Nabila Abdul Bahri, Abu Hassan Shaari Md Nor, Nor Hakimah Mohd Nor</i>	254
2A-7	Kesan Pelaburan Langsung Asing Terhadap Pertumbuhan Ekonomi. Perbandingan di antara Negara Berpendapatan Tinggi dan Rendah Menggunakan Pendekatan Kointegrasi Asimetri. <i>Ruziana Mohd Ghazi, Norlin Khalid, Ishak Yussof</i>	265

Sesi 2B – Bilik Raya, Aras 2 (11.00 am – 1.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: DAYA TAHAN EKONOMI

Pengerusi Sesi: Prof. Dr. Abu Hassan Shaari Md Nor

2B-1	Credit Expansion and Financial Stability in Malaysia <i>Koong Seow-Shin, Law Siong-Hook, Mansor H Ibrahim</i>	275
2B-2	The Impact of Bank Specific and Macro Economic Data on Bank Cost Efficiency Category in ASEAN <i>Abdul Mongid, Muazaroh Muazaroh</i>	285
2B-3	Resource Abundance and Resource Dependence <i>Khairil Anuar Ramli, Abdul Ghafar Ismail</i>	297
2B-4	Penguasaan Bahasa Inggeris, Pembangunan Kewangan dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Norhasimah Shaharuddin, Tamat Sarmidi, Abu Hassan Shaari Md Nor</i>	311

2B-5	Branding in Small and Medium Enterprises: The Bumiputera Company Scenario in Malaysia <i>Rohana Mijan, Mastura Jaafar</i>	320
2B-6	Domestic Debt and Economic Growth in Malaysia <i>Normaz Wana Ismail, Mok Wei Mun, Zaleha Mohd Noor</i>	333
2B-7	Hubungan antara Pasaran Saham dengan Tukaran Asing di Negara ASEAN-3 (Singapura, Malaysia dan Indonesia): Analisis Model GARCH Multivariat BEKK- t <i>Mori Kogid, Abu Hassan Shaari Md Nor</i>	341

Sesi 2C – Bilik Mawar 1, Aras 1 (11.00 am – 1.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Pengerusi Sesi: Dr. Azrina Abdullah Al-Hadi

2C-1	Pendidikan Islam Sebagai Teras Pengukuhan Organisasi Angkatan Tentera Malaysia <i>Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani</i>	350
2C-2	The Relationship between Crime and Economic Growth in Malaysia: Re-Examine Using Bound Test Approach <i>Dullah Mulok, Mori Kogid, Jaratin Lily, Rozilee Asid</i>	357
2C-3	The Demand for Health Screening Among the Elderly <i>Yong Kang Cheah, Kim Leng Goh</i>	365
2C-4	Kompetensi Jurulatih XYZ <i>Fadillah Ismail, Nasir Markom</i>	382
2C-5	Remittances and Poverty: The Role of Human Capital <i>Chong Siew Huay, Nor Yasmin Mhd Bani</i>	388
2C-6	Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga <i>Fadillah Ismail</i>	394

Sesi 2D – Bilik Mawar 2, Aras 1 (11.00 am – 1.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: ISU-ISU LAIN

Pengerusi Sesi: Dr. Riayati Ahmad

2D-1	Analisis Transformasi Koperasi kepada Koperasi di Malaysia dari Persepektif Anggota: Kajian Kes Koperasi Tentera. <i>Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Selamah Maamor, Fauzi Hussin, Husin Abdullah, Norehan Abdullah</i>	411
------	---	-----

2D-2	Glass Ceiling and Sticky Floor : A Comparative Analysis from Malaysia <i>Wan Liyana Mariah Wan Zainal Abidin, Zaleha Mohd Noor, Wan Azman Saini Wan Ngah</i>	424
2D-3	Tapping into Creativity and Human Capital in Academic Libraries: The Influence of Organisational Climate <i>Haziah Sa'ari, Rafidah Abdul Aziz, Marlia Idrus, Mohd Ridzuan Ibrahim</i>	436
2D-4	Pelaporan Korporat Melalui Internet oleh Sektor Ekonomi di Malaysia <i>Siti Zaidah Turmin, Fatima Abdul Hamid, Nazli Anum Mohamad Ghazali</i>	444
2D-5	The Relationship between Female Labor Force Participation, Education and Fertility in Malaysia: An ARDL Bounds Testing Approach <i>Suryati Ishak, Nor Yasmin Mhd Bani, Noraida Abd Wahob</i>	452

Sesi 3A – Bilik Raya, Aras 2 (2.30 pm – 4.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: DAYA TAHAN EKONOMI

Pengerusi Sesi: Dr. Fathin Faizah Said

3A-1	Distortionary Agricultural Trade Policy and Food Security: A Causal Analysis <i>Shaheera Mohamed, Haniza Khalid</i>	461
3A-2	Examining Price Convergence Behaviour between Peninsular Malaysia and Sabah and Sarawak: Evidence for Market Integration <i>Siti Marsila Mhd Ruslan, Gairuzazmi Mat Ghani, Haniza Khalid</i>	469
3A-3	Identifying Key Drivers of Food Price Inflation in Malaysia <i>Umi Zakiah Norazman, Haniza Khalid, Gairuzazmi Mat Ghani</i>	476
3A-4	Impacts of Trade Institutions on Malaysia Trade Costs: Better Trade Institutions Lead to a Reduction of Bilateral Trade Costs <i>Tan Jiunn Woei, Lee Chin</i>	485
3A-5	Impak Pelaburan dan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia, 1980-2013 <i>Zulkifli Abdul Rahim, Nor Asmat Ismail</i>	497
3A-6	Penilaian Terhadap Kecekapan Perkhidmatan Bas Sekolah Selepas Deregulasi Tambang: Kajian Kes di Seremban <i>Intan Sahara Ghadzali, Azrina Abdullah Al-Hadi</i>	505

Sesi 3B – Bilik Mawar 1, Aras 1 (2.30 pm – 4.00 pm | 28 Julai 2016)**TEMA: KESEJAHTERAAN SEJAGAT****Pengerusi Sesi: Dr. Norazlina Abd. Wahab**

3B-1	House Affordability in Malaysia: Income or Speculation Supported? <i>Wong Wang Li, Lee Chin, Koong Seow Shin</i>	
3B-2	Tren Perbelanjaan Belia dan Hubungan dengan Kualiti Hidup <i>Nik Fakrulhazri Nik Hassan, Azemi Che Hamid</i>	516
3B-3	Keberkesanan Projek Perumahan Rakyat Negeri Melaka : Satu Tinjauan <i>Nor' Azurah Md Kamdari, Remali Yusoff</i>	523
3B-4	To Purchase or to Rent a Home in Malaysia? A Case study in Selangor <i>Chia Mei Si, Wei Chooi Yi</i>	533
3B-5	Happiness, Shadow Economy and Climate Change in Seven Developed Nations <i>Muzafar Shah Habibullah, Badariah Din, R.R.V. Rasiah, A.H. Baharom</i>	
3B-6	Enhancing House Price Index in Malaysia: A Review on Its Determinants <i>Norazlina Abd. Wahab, Nik Nor Amalina Nik Mohd Sukrri, Rosylin Mohd Yusof</i>	539

Sesi 3C – Bilik Mawar 2, Aras 1 (2.30 pm – 4.00 pm | 28 Julai 2016)**TEMA: ISU-ISU LAIN****Pengerusi Sesi: Dr. Suhaili Alma'amun**

3C-1	Developing a Halal Compliance Behavioural Framework: Case of the Malaysian Poultry Firms <i>Husna Hashim, Norma Md Saad, Haniza Khalid, Hayatullah Laluddin</i>	553
3C-2	The Origin and Sources of Shariah Risk in Islamic Finance <i>Nurul Syazwani Mohd Noor, Abdul Ghafar Ismail, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai</i>	560
3C-3	Determinants of Efficiency: Shariah-Compliant Industrial Firms in Malaysia <i>Zahariah Sahudin, Wan Mansor Wan Mahmood, Zaidi Isa, Siti Akmar Abu Samah, Hasni Abdullah</i>	572
3C-4	Benchmark on Underlying Asset Value for Islamic Banking Product: A Practitioner's Perspective <i>Mohamad Syafiqe Abdul Rahim</i>	582

3C-5	The Contract of Bay-al-Salam and Bay-al-Istisna in Islamic Commercial Law: A Comparative Analysis <i>Remali Yusoff, Nor' Azurah Md. Kamdari</i>	590
------	--	-----

Sesi 4A – Bilik Raya, Aras 2 (4.30 pm – 6.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: DAYA TAHAN EKONOMI

Pengerusi Sesi: Dr. Mohd Adib Ismail

4A-1	Fiscal Sustainability in Malaysia: An Empirical Assessment <i>Wan Farisan Wan Sulaiman, Zulkefly Abdul Karim, Norlin Khalid, Riayati Ahmad</i>	595
4A-2	The Effects of Monetary Policy Shocks and Exchange Rate on the Trade Balance of Pakistan <i>Abdul Rahman Nizamani, Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi, Norlin Khalid</i>	606
4A-3	The Effectiveness of Debt-Bias Reduction Policies <i>Syed Munawar Shah, Mariani Abdul Majid, Zulkefly Abdul Karim, Anowar Zahid</i>	
4A-4	Herding Behavior and Overconfidence in Investment Decisions: Impact of Age and Gender in Malaysian Perspective <i>Abdollah Ah Mand, Hawati Janor, Hasimi Yaacob, Tamat Sarmidi, Ruzita Abdul Rahim</i>	629
4A-5	Kesan Pelaburan Langsung Asing Terhadap Pertumbuhan Ekonomi ke atas Lima Negara ASEAN: Ujian Kointegrasi Asimetri <i>Puteri Amirah Omar, Norlin Khalid, Ishak Yussof</i>	639

Sesi 4B – Bilik Mawar 1, Aras 1 (4.30 pm – 6.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Pengerusi Sesi: Prof. Madya Dr. Norlida Hanim Mohd Salleh

4B-1	Strategi Belia dalam Menghadapi Kenaikan Kos Sara Hidup <i>Faeza Afandi, Suhaili Alma'amun, Hairunnizam Wahid</i>	648
4B-2	Faktor Penentu Penerimaan Konsep Lokalisasi Agihan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Kajian di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah <i>Dicky Wiwittan Toto Ngadiman, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor</i>	658
4B-3	Analisis Keperluan Kelayakan Pendidikan Sektor Perkhidmatan di Malaysia:– Isu Terkurang atau Terlebih Didik? <i>Amirul Hamza Abdullah, Ishak Yussof, Rahmah Ismail</i>	667

4B-4	Ancaman Sekuriti Makanan dan Kesihatan Terhadap Komuniti Kintak di Malaysia <i>Nor Haidanadia Hasni, Mustaffa Omar, Nurasyikin Ghazali</i>	677
4B-5	Inflasi Pendidikan dalam Sektor Pembuatan di Malaysia <i>Ukasya Shakena Akbar, Rahmah Ismail, Norlin Khalid</i>	690

Sesi 4C – Bilik Mawar 2, Aras 1 (4.30 pm – 6.00 pm | 28 Julai 2016)

TEMA: ISU-ISU LAIN

Pengerusi Sesi: Dr. Hairunizam Wahid

4C-1	Federal Statutory Bodies in Malaysia: A Comprehensive Insight <i>Nur Barizah Abu Bakar</i>	701
4C-2	Peranan Kepimpinan dalam Menggalakkan Kreativiti dan Inovasi Pengurusan di Institusi Pengajian Tinggi <i>Sumi Isman, Md. Razib Arshad, Buerah Tunggak</i>	714
4C-3	Empowerment of Front-Line Employees in the Hospitality Industry: A Survey of Three Five – Star Hotels in Kuala Lumpur, Malaysia <i>Nur Fatihah Abdullah Bandar, Peter Songan, Nirmala Ramakrishnan Pillai</i>	721
4C-4	Anomali Kutipan Zakat Bulanan oleh Institusi Zakat di Malaysia <i>Noor Zeehan Kamsani, Hairunnizam Wahid, Norlin Khalid</i>	730
4C-5	Kesesuaian Aktiviti dan Rantaian Nilai Hab Makanan Halal di Malaysia <i>Mohd Ali Mohd Noor, Samsu Alam Beddu Lamin</i>	741
4C-6	Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri <i>Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor, Maryam Abd Rashid</i>	753

PRAKATA

Alhamdulillah, rasa syukur dirafakkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia dapat disempurnakan penerbitannya bersempena PERKEM Ke – 11, 2016 yang berlangsung di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor.

Tujuan penerbitan prosiding ini adalah sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada peserta PERKEM Ke – 11, 2016 dan juga kepada yang tidak berkesempatan untuk menghadiri persidangan ini. Persidangan ini merupakan acara tahunan Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM. Ia memberi ruang kepada para penyelidik, pembuat dasar dan pengamal membentangkan hasil penyelidikan masing-masing dan berbincang mengenai isu semasa berkaitan ekonomi Malaysia secara khususnya.

Tema PERKEM kali ini adalah 'Kelestarian Dasar Awam, Daya Tahan Ekonomi Dan Kesejahteraan Sejahtat'. Tema ini bertujuan ingin mencapai perlaksanaan dasar awam yang lebih lestari ke arah pencapaian agenda pembangunan sosio-ekonomi negara yang penting untuk kesejahteraan masyarakat dan daya tahan ekonomi.

Sebanyak 86 kertas kerja telah dikumpulkan dan 81 daripadanya dimuatkan dalam prosiding ini yang disusun berdasarkan sesi pembentangan dan tema-tema yang ditentukan. Tema yang terdapat dalam prosiding ini meliputi program transformasi negara, daya tahan ekonomi, kesejahteraan sejagat dan isu-isu lain. Dapatan hasil penemuan kajian ini amat bermanfaat kepada penggubal dasar dan pengkaji akan datang.

Prosiding ini juga boleh diakses di laman web rasmi PERKEM di www.ukm.my/fep/perkem. Semoga prosiding ini dapat memberi manfaat kepada negara dan bangsa. Sekian, terima kasih

Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri¹

Hairunnizam Wahid²
Sanep Ahmad³
Mohd Ali Mohd Nor⁴
Maryam Abd Rashid⁵
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian perbandingan pengukuran kecekapan pengurusan kewangan institusi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan di antara institusi zakat boleh membuka ruang untuk meningkatkan mutu agihan institusi zakat. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah penting untuk memastikan institusi tersebut dapat mencapai matlamat yang telah ditentukan. Hal ini kerana masih wujud tanggapan negatif ketidakcekapan agihan institusi zakat dan ia merupakan antara salah satu punca yang telah menjejaskan tahap keyakinan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan membayar zakat kepada institusi zakat. Ketidakcekapan agihan tersebut boleh dilihat melalui lebih zakat yang tidak diagihkan dan kegagalan institusi zakat mengagihkan zakat kepada kelapan-lapan golongan asnaf dan tidak mengikut keutamaan asnaf. Persoalannya adakah wujud hubungan antara prestasi pengurusan kewangan dan prestasi pengagihan zakat. Kajian telah mengkategorikan prestasi pengurusan kewangan kepada tiga (3) bahagian iaitu kecairan, kesolvenan dan keuntungan; manakala aspek prestasi kecekapan agihan institusi zakat pula terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu kecekapan agihan berbentuk kewangan (lebih zakat tahunan) dan bukan kewangan (keutamaan asnaf). Kajian ini juga mengkaji corak agihan zakat kepada setiap asnaf sebagai satu tambahan pengukuran prestasi agihan zakat. Data sekunder terdiri daripada laporan tahunan MAIN telah dianalisis bermula tahun 2000 hingga 2013. Kajian ini mengkaji lima institusi MAIN iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang mewakili institusi yang telah mengkorporatkan kutipan dan agihan zakat; dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) yang mewakili negeri yang tidak mengkorporatkan kutipan dan agihan zakat. Hasil kajian mendapati secara umumnya wujud hubungan yang sepadan antara prestasi pengurusan kewangan MAIN dengan prestasi pengagihan zakat dalam aspek agihan kewangan dan bukan kewangan. Hasil kajian juga mendapati corak agihan zakat oleh institusi korporat adalah berbeza dengan corak agihan zakat oleh institusi yang tidak korporat pengurusan zakat. Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dicadangkan dalam kajian ini.

ABSTRACT

A comparative study of the efficiency measurement in term of financial management of the State Islamic Religious Council (SIRC) with the performance of the financial and non-financial zakat distribution could open a debate to improve the quality of the institution's management. On the other hand the financial management of SIRC is also important to ensure that the institution could achieve the objectives that have been established. The negative impression from the society still exists in term of zakat distribution and it could affect the level of Muslim's confidence to perform their duties to pay zakat through the zakat institution. The inefficiencies of zakat distribution might be seen through the amount of excess zakat unallocated every year and the institution fail to distribute the zakat to the eighth asnaf as well as the zakat is not distributed according to the asnaf priority. The main issue here, is there any long run relationship between financial performance and zakat distribution's performance

¹ Penghargaan kepada geran penyelidikan di bawah dana penyelidikan CRIM UKM: Kod projek: GGP-2014-008. Ini merupakan dapatan awal kajian ini.

² Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. email: hairun@ukm.edu.my

³ Prof Madya di Pusat Pengajian ekonomi, FEP, UKM. email: nep@ukm.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian ekonomi, FEP, UKM. email: ali@ukm.edu.my

⁵ Graduan Sarjana Ekonomi Islam, Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. email: yamari_maryam@yahoo.com

of SIRC. This study will categorized a financial performance into three (3) parts, namely liquidity, solvency and profitability; While the performance of the zakat distribution will be divided into two (2) portions namely efficiency of zakat distribution from the financial point of view (excess of zakat distribution annually) and the non-financial point of view (in term of asnaf priority). This study also examined the patterns of zakat distribution to asnaf by each SIRC every year. A secondary data comprised of several SIRC annual reports were analysed starting from the year 2000 to 2013. This study has reviewed five SIRC in Malaysia namely MAIS and MAINPP that representing the corporatized zakat institution; MAIJ, MAIDAM and MUIS that representing the non-corporatized zakat institution. The findings reveal that the relationship between the performance of financial management and the performance of zakat distribution do exist. The study also found that the pattern of zakat distribution is different between the corporatized zakat institution and the non-corporatized zakat institution. Several suggestions and policy implications were also discussed in this study.

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu instrumen kewangan dan sumber pembangunan ekonomi Islam. Zakat berpotensi mengurangkan jurang kemiskinan di samping mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam setempat. Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyenaraikan hal berkaitan agama Islam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri-negeri iaitu diletakkan di bawah Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri, yang menyenaraikan perkara-perkara berkaitan urusan wasiat, zakat, baitulmal dan sebagainya. Negeri-negeri telah memperuntukkan perkara berkaitan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen negeri masing-masing. Ini jelas dilihat dalam Enakmen khusus zakat ataupun sebahagian daripada peruntukkan dalam Akta dan Enakmen pentadbiran agama pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Islam negeri-negeri antaranya dalam Akta 559: Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Zakat dan Fitrah (Negeri Sabah) 1993 (Muhsin, 2013). Terdapat banyak pendapat dan pandangan berkaitan pembahagian zakat kepada asnaf. Malaysia adalah negara yang mengamalkan mazhab Imam Syafie. Menurut pandangan mazhab Imam Syafie, apabila urusan mengagihkan wang zakat itu adalah oleh imam (pemerintah/Majlis agama Islam Negeri-MAIN), maka agihan hendaklah dibuat kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Bahagian pertama diambil oleh amil kerana itu sebagai imbuhan mereka telah bersusah payah mengutip wang zakat dan selebihnya diagihkan kepada golongan lain di atas dasar persamaan hak antara mereka. Tetapi sekiranya agihan dilaksanakan oleh pembayar zakat itu sendiri, maka gugurlah hak amil tersebut dan agihan hanya perlu dilakukan kepada 7 golongan sahaja (Mohamad Uda 2005; dan Eza Ellany, M. Rizal & M. Sabri, 2014).

Zakat hanya boleh digunakan atau diagihkan kepada lapan golongan sahaja berdasarkan al-Qur'an di dalam surah at-Taubah, ayat 60 iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, *muallaf*, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang), *fi sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah). *Ibn sabil* (musafir di perjalanan). Agihan zakat yang adil hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Menurut mazhab Imam Syafie, zakat boleh juga diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga golongan yang mana golongan ketiga adalah amil dan itu sudah memadai (Mohamad Uda 2005). Secara umumnya, terdapat empat golongan yang perlu diberikan keutamaan dahulu dalam menerima wang zakat menurut pandangan Imam Syafie ini iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang) dan *ibn sabil* (musafir di perjalanan) (Mohamad Uda 2005). Justeru, amil akan mengambil tempat ketiga selepas asnaf fakir dan miskin berdasarkan hujah sekurang-kurangnya agihan patut dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf. Berdasarkan keutamaan ini, institusi zakat perlu memastikan kelima-lima asnaf ini mendapat bahagian zakat yang sepatutnya sebelum agihan dilaksanakan kepada tiga lagi golongan asnaf yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Ini adalah bagi memastikan agihan yang adil dapat dilaksanakan kepada asnaf mengikut syariat yang telah ditetapkan.

Rasionalnya kajian ini ialah mengkaji kemungkinan wujudnya hubungan antara prestasi pengurusan kewangan institusi MAIN yang dibawahnya terdapat institusi zakat yang menguruskan zakat sama ada dikorporatkan kutipan dan agihan zakat ataupun tidak dengan prestasi pengagihan zakat yang merupakan isu yang banyak dibincangkan pada masa kini. Kajian ini juga mengkaji kemungkinan wujudnya perbezaan corak aghan zakat kepada kelapan-lapan asnaf antara negeri yang mengkorporatkan institusi zakat dan tidak mengkorporatkan institusi zakat. Terdapat tiga kajian sebagai rujukan utama kajian ini iaitu (1) kajian prestasi kewangan yang tertumpu kepada nisbah aliran tunai oleh institusi MAIN (lihat faiz, Hairunnizam & Sanep, 2014); dan (2) kajian prestasi pengagihan zakat sama ada daripada aspek mengkaji lebihan zakat dan juga aspek keutamaan pengagihan zakat

(lihat Eza Ellany, M. Rizal & M. Sabri, 2014); dan (3) kajian corak agihan zakat oleh institusi zakat negeri (lihat Rashidah, Sanep & Hairunnizam, 2015). Sumbangan kajian ini adalah mengkaji hubungan antara prestasi pengurusan kewangan dan prestasi agihan oleh institusi MAIN yang belum lagi dikaji oleh pengkaji sebelumnya dengan menggabungkan dan menggunakan kerangka teori ketiga-tiga kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Kajian ini menjangkakan terdapat satu hubungan yang sepadan dan secorak antara kesemua pengukuran prestasi tersebut. Akhirnya kajian ini dijangkakan dapat membuktikan sesuatu dimana kaedah serta corak pentadbiran zakat yang unik dan berbeza antara MAIN namun matlamat akhirnya tetap sama iaitu menunaikan tanggungjawab dan amanah dalam menguruskan zakat kepada Allah swt dan masyarakat Islam secara keseluruhannya.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini berpendapat pihak MAIN perlu memberi perhatian kepada aspek perjalanan kewangan institusi masing-masing. Ini adalah kerana analisis kewangan adalah penting kerana ia berkaitan dengan pemilihan, penilaian dan tafsiran data kewangan, bersama-sama dengan maklumat lain yang berkaitan, untuk membantu membuat keputusan dalam pelaburan dan kewangan. Tujuan sesebuah organisasi ditubuhkan adalah untuk mengeluarkan barangan atau perkhidmatan untuk mencapai matlamat organisasi tersebut sama ada untuk mendapatkan keuntungan mahupun untuk kebajikan ahli. Bagi mencapai maksud ini, pengurusan dalam organisasi perlu dibentuk dengan berdasarkan menggabungkan jalin sumber-sumber yang ada seperti sumber manusia, sumber fizikal dan sumber kewangan (Mosley et al., 2008).

Kecekapan pengurusan kewangan MAIN dan prestasi kutipan dan agihan zakat serta hubungan antara kedua-duanya turut dibincangkan dalam kajian ini. Kajian berpendapat aspek kecekapan dalam kutipan dan agihan zakat merupakan perkara yang penting bagi institusi zakat malah masyarakat Islam seluruhnya. Dana zakat mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengagihan zakat dititikberatkan (Mannan, 2003). Justeru, penerimaan masyarakat terhadap kecekapan dan keadilan dalam pengurusan dana zakat oleh institusi zakat sangat kritikal untuk dibincangkan. Ini kerana keadaan ini boleh mempengaruhi prestasi kutipan dan agihan zakat secara jangka panjang. Isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat dan tadbir urus zakat yang tidak telus didakwa menjadi punca kepada permasalahan tersebut (Md Hairi, Kamil & Ram, 2012). Ini disokong oleh kajian Ahmad Hidayat & Saidatul (2014) bahawa wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya enggan membayar zakat. Kajian oleh Ismail & Masturah (2014) mendapati persepsi masyarakat turut mempengaruhi peningkatan dan pengurangan kutipan zakat secara langsung.

Kajian lain mendapati keengganan responden membayar zakat disumbang oleh rasa tidak puas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009). Selain itu, ketidakpercayaan kepada institusi zakat menyumbang kepada pembayaran langsung zakat tanpa melalui saluran formal (Hairunnizam et al. 2009; Mohd Asri, 2009, Md Hairi, Kamil & Ram, 2012). Pengurusan pungutan dan agihan zakat yang cekap turut dikekang oleh kesedaran membayar zakat yang rendah (Ahmad Hidayat et al. 2014). Justeru, bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat, tadbir urus yang baik amat dituntut. Kepuasan hati semua pihak terhadap institusi zakat dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dapat dicapai dengan tadbir urus yang baik (Md Hairi et al. 2012).

Kajian oleh Mohammed (2010) mendapati analisis nisbah kewangan adalah alat utama bagi mendiagnostik kewangan dan telah digunakan sejak abad kesembilan belas. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan analisis kewangan adalah berdasarkan kepada kunci kira-kira dan penyata pendapatan. Pada tahun 1991 kajian nisbah yang baru telah digunakan oleh penganalisis, dua tahun selepas kemasukan penyata aliran tunai dalam laporan tahunan. Analisis nisbah aliran tunai mengubah kaedah analisis tradisi terutamanya dengan memberi tumpuan kepada maklumat di bawah penyata aliran tunai. Sejak tempoh ini, kepentingan nisbah aliran tunai telah menjadi subjek perbahasan dalam penyelidikan dan penilaian berterusan oleh profesional perakaunan. Kajian perbandingan nisbah tradisional dengan nisbah aliran tunai mendedahkan dua hujah yang bercanggah. Penyokong nisbah aliran tunai mencadangkan bahawa nisbah aliran tunai adalah lebih dipercayai dan lebih objektif daripada nisbah tradisional.

Kajian oleh Kisang (2004) melihat prestasi hotel dan hotel kasino yang merupakan syarikat-syarikat komersial dengan menggunakan kedua-dua nisbah aliran tunai dan nisbah kewangan tradisional dalam tempoh lima tahun yang lalu. Menggunakan pangkalan data kewangan daripada Hotel dan Motel bahagian daripada Online Mergent dengan SIC 7011, sampel t-uji bebas digunakan

untuk analisis. Prestasi hotel dan hotel kasino telah diukur menggunakan kecairan, kesolvenan, dan petunjuk kecekapan operasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa nisbah tradisional yang dihasilkan berbeza daripada nisbah aliran tunai. Syarikat hotel kasino didapati mempunyai nisbah mudah tunai yang lebih tinggi daripada syarikat hotel komersil, yang menunjukkan kemungkinan bahawa perbezaan mungkin disebabkan oleh jenis hotel. Analisis kewangan boleh digunakan secara dalaman untuk menilai isu-isu seperti prestasi pekerja, kecekapan operasi, dan dasar-dasar kredit, dan secara luaran untuk menilai potensi pelaburan dan kredit-kepercayaan peminjam (Faiz et al, 2014). Kajian tersebut juga telah menganalisis dan membuat perbandingan prestasi kewangan MAIN dengan menggunakan kaedah nisbah tradisi dan nisbah aliran tunai antara MAIS dan MAIKs dengan tujuan untuk mencari anomali dan menentukan fokus kepada perkara yang mempunyai kedudukan yang penting di dalam kedudukan kewangan Majlis Agama Islam sesebuah negeri. Entiti ini adalah penting dalam memastikan perjalanan institusi zakat negeri berjalan lancar terutamanya dalam mengutip dan mengagihkan zakat.

Namun begitu, kajian ini percaya aspek keyakinan dan kepercayaan masyarakat juga perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh institusi zakat agar usaha memartabatkan rukun Islam yang ketiga serta dapat menambah baik sistem keberkesanan kutipan dan agihan zakat secara efektif dan efisien (Shahir & Adibah, 2010). Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan persepsi pengurusan institusi zakat. Satu kajian telah dilakukan menunjukkan bahawa isu tentang persepsi masyarakat terhadap keberkesanan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan antara faktor yang menurunkan kadar kutipan zakat oleh pusat zakat kerana terdapat di antara masyarakat yang mencari jalan alternatif untuk membayar zakat iaitu dengan mengagihkan zakat terus kepada asnaf. Dalam kajian ini mendapati bahawa persepsi masyarakat yang baik terhadap pusat zakat akan meningkatkan pembayaran zakat kepada pusat zakat dan sebaliknya jika persepsi masyarakat kurang baik maka ia akan menurunkan kadar kutipan zakat oleh pusat zakat (Ismail & Masturah, 2014). Ini disokong oleh kajian lain yang menunjukkan bahawa majoriti responden tidak membayar zakat berkemungkinan kerana tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009).

Keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat. Namun begitu, aspek pengagihan zakat merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi (Mannan, 2003). Implikasinya pengurusan dana zakat yang cekap adalah dituntut agar pelaksanaannya dapat mencapai objektif yang ditentukan. Namun begitu, aspek pentadbiran zakat di Malaysia dikatakan tidak cekap dan di bawah potensi yang sebenar. Menurut Sadeq (1995), kelemahan ini disebabkan pentadbiran zakat diuruskan oleh mereka yang berlatar belakangkan pendidikan syariah tetapi kurang profesional. Ini menyebabkan pengagihan zakat tidak diuruskan dengan efisien dan baik. Pendapat ini disokong oleh Abdul-Wahab et.al. (1995) yang bersetuju pengagihan zakat di Malaysia tidak diuruskan dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan profesional. Kajian oleh Shawal & Hasan (2007) menyatakan bahawa sistem kutipan zakat secara profesional telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1990an melalui aktiviti pengkorporatan dan penswastaan. Setelah pengenalan tersebut struktur pengurusan aktiviti zakat di Malaysia telah mengalami perubahan di negeri-negeri tertentu. Secara keseluruhan, institusi zakat di Malaysia mengamalkan struktur pentadbiran zakat berbeza-beza mengikut negeri masing-masing. Di beberapa buah negeri, kutipan dan agihan di tadbir oleh entiti berbeza kesan daripada aktiviti penswastaan dan pengkorporatan. Tetapi "Majlis dan baitulmal negeri masih memainkan peranan penting dalam pentadbiran zakat.

Berbeza dengan kajian lepas berkaitan prestasi kecekapan institusi zakat, tumpuan terhadap kecekapan agihan masih kurang (Eza Ellany et. al, 2014). Kajian terdahulu seperti Hairunnizam et al. (2009) hanya mengkaji persepsi masyarakat terhadap kecekapan agihan berdasarkan lebihan zakat tidak diagihkan dan nisbah agihan per kutipan (peratusan nisbah jumlah lebihan berbanding jumlah kutipan). Manakala kajian Norazlina dan Abdul Rahim (2011) pula merupakan kajian kecekapan terhadap institusi zakat secara keseluruhan, bukan hanya tertumpu terhadap prestasi agihan. Kajian telah menggunakan kaedah DEA iaitu berdasarkan input (bilangan kakitangan dan jumlah perbelanjaan) dan output (jumlah kutipan, jumlah agihan dan bilangan pembayar zakat) bersesuaian, mereka telah membentuk tiga model DEA iaitu kecekapan teknikal (TE), kecekapan teknikal tulen (PTE) dan kecekapan skala (SE). Oleh itu, kajian ini akan mengkaji aspek pengukuran prestasi nisbah aliran tunai sebagai proksi kepada prestasi kewangan MAIN dan prestasi kecekapan agihan zakat bagi kelima-lima negeri yang mempunyai struktur pengurusan aktiviti zakat yang berbeza.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian telah dijalankan menggunakan data sekunder yang diperoleh iaitu laporan kewangan tahunan setiap MAIN daripada tahun 2000 sehingga 2013. Data yang diperoleh merupakan laporan tahunan yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara yang seterusnya dianalisis menggunakan beberapa kaedah analisis. Bagi analisis prestasi kewangan setiap MAIN, kaedah analisis nisbah aliran tunai telah diguna pakai berpandukan kajian oleh Faiz et al. (2014) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bagi prestasi pengurusan agihan zakat pula terbahagi kepada dua iaitu prestasi kewangan dan bukan kewangan. Prestasi kewangan melibatkan skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) manakala prestasi bukan kewangan melibatkan skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA).

Skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) dibentuk berdasarkan peratusan jumlah lebihan wang zakat yang tidak diagihkan berbanding jumlah kutipan zakat (Hairunnizam et al. 2009, Eza Ellany et al. 2014). Skor ini menilai berapa banyak lebihan wang zakat dan peratusannya yang tidak diagihkan pada setiap akhir tahun. Kaedah pengiraan SKORLZ boleh dirujuk seperti pada Persamaan 1.

$$SKORLZ = \frac{\text{Jumlah Lebihan (Jumlah Pendapatan - Jumlah Perbelanjaan)}}{\text{Jumlah Pendapatan}} \quad (1)$$

Skor kecekapan lebihan zakat diukur dalam lingkungan nilai antara 0 hingga 1. Nilai 0 menandakan bahawa skor adalah pada tahap terbaik dan sangat cekap. Ini bermakna semakin rendah jumlah lebihan zakat berbanding jumlah kutipan semakin cekap prestasi agihan zakat. Namun terdapat kemungkinan institusi zakat melaksanakan agihan zakat melebihi kutipan zakat yang diperoleh pada tahun semasa. Situasi ini mungkin disebabkan wujudnya lebihan agihan zakat tahun sebelumnya yang diagihkan pada tahun semasa. Keadaan ini mengakibatkan nilai lebihan zakat akan menjadi negatif dan menunjukkan berlaku ketidakcekapan dalam pengurusan agihan zakat. Agihan yang cekap sepatutnya dilakukan pada tahun semasa kutipan wang zakat diperoleh (Eza Ellany et al. 2014).

Skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA) dibentuk berpandukan kepada keutamaan asnaf yang wajib didahulukan mengikut turutan di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, berlandaskan mazhab Imam Syafie. Menurut pandangan Imam Syafie, terdapat empat golongan asnaf yang perlu diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum lainnya dalam menerima agihan zakat iaitu *al-fuqara* (golongan fakir), *al-masakin* (golongan miskin), *al-gharimin* (golongan berhutang) dan *ibnussabil* (golongan yang bermusafir/dalam perjalanan) (Mohamad Uda, 2005; Eza Ellany et al. 2014). Manakala berdasarkan hujah bahawa sekurang-kurangnya agihan memadai dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf, maka *amil* (pengutip zakat) berada pada kedudukan ketiga selepas asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan turutan keutamaan ini, institusi zakat perlu memastikan kelima-lima asnaf di atas mendapat agihan zakat sepatutnya sebelum agihan dilakukan kepada asnaf lain yang disebut di dalam Al-Quran iaitu *mualaf* (golongan baru memeluk Islam), *al-riqab* (hamba) dan *fisabilillah* (golongan berjuang di jalan Allah).

Skor keutamaan asnaf diukur dengan menjumlahkan perbezaan skor antara skor agihan sebenar Mazhab Imam Syafie dengan skor agihan institusi zakat bagi lapan kategori asnaf, kemudian dibahagikan dengan jumlah perbezaan skor maksimum yang diperoleh bagi kelapan-lapan kategori asnaf. Jumlah perbezaan skor maksimum adalah 26 (rujuk Jadual 2). Kaedah pengiraan SKORKA boleh dirujuk seperti pada Persamaan 2.

$$SKORKA = \frac{\text{Jumlah perbezaan skor bagi 8 kategori asnaf}}{\text{jumlah perbezaan skor maksimum (26)}} \quad (2)$$

(Jadual 3)

Skor agihan sebenar adalah skor yang diberikan kepada lapan kategori asnaf mengikut keutamaan mazhab Imam Syafie. Skor agihan sebenar diukur dalam lingkungan skala skor 1 hingga 6 seperti di Jadual 3. Kajian hanya menggunakan 6 skala skor disebabkan tiga lagi golongan asnaf iaitu *mualaf*, *al-riqab* dan *fisabilillah* tidak dinyatakan turutan keutamaannya oleh mazhab Imam Syafie. Skor agihan institusi pula adalah skor yang diberikan berdasarkan turutan jumlah agihan zakat untuk setiap kategori asnaf iaitu nilai kewangan agihan zakat dijadikan asas dalam mengkategorikan setiap asnaf mengikut keutamaan. Nilai skor keutamaan asnaf akan berada dalam lingkungan nilai 0 hingga 1, yang mana nilai 0 adalah skor yang paling cekap (Eza Ellany et al. 2014).

Bagi melihat prestasi agihan zakat dengan lebih terperinci, analisis corak agihan zakat kepada setiap kategori asnaf dilakukan dan data dianalisis menggunakan regresi mudah kuasa dua terkecil mengikut kategori asnaf bagi melihat corak agihan zakat dan sebarang perubahan yang berlaku sebelum dan selepas penubuhan Pusat Zakat Sabah pada 2007. Analisis data dilakukan bagi tempoh 13 tahun bermula dari tahun 2001 hingga 2013 (tidak termasuk tahun 2000 bagi tujuan memastikan keseragaman data yang dianalisis). Data-data kemudiannya dipersembahkan ke dalam bentuk jadual dan graf bagi menunjukkan corak dan penekanan dalam agihan zakat. Model yang digunakan bagi tujuan analisis data adalah seperti yang ditunjukkan dalam Model 1.

$$Y = a + bt \quad (1)$$

Berdasarkan Model 1, Y adalah peratus agihan zakat mengikut asnaf yang terdiri daripada fakir, miskin, amil, mualaf, *al-riqab*, *al-gharimin*, *fi-sabilillah* dan *ibn sabil*, manakala t adalah nilai masa bagi corak.

HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, kelima-lima institusi zakat telah menunjukkan prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan yang semakin meningkat, walaupun nilai skor yang diperolehi agak tidak konsisten. Hasil analisis ini selari dengan perbincangan Eza Ellany et. al. (2014) yang mana jumlah lebihan agihan zakat di bawah nilai 0.228 peratus bagi skor kecekapan lebihan zakat adalah dianggap berprestasi baik walaupun belum mencapai tahap agihan yang optimum kepada 100 peratus. Namun begitu kajian ini berpendapat analisis aspek lebihan dana zakat perlu diperhalusi lagi kerana ia melibatkan perekodan jumlah kutipan zakat oleh hampir keseluruhan negeri yang sebahagian besarnya berlaku di akhir tahun yang memungkinkan nilai kutipan ini tidak dilaporkan secara tepat pada tahun semasa. Ini akan mewujudkan nilai jurang yang berbeza antara jumlah kutipan yang berlaku di akhir tahun dan jumlah pengagihan yang berlaku sepanjang tahun. Kajian ini juga mendapati institusi zakat juga telah berjaya meningkatkan prestasi agihan bukan kewangan ini dengan melaksanakan agihan yang adil mengikut keutamaan asnaf mazhab Imam Syafie. Oleh itu, institusi zakat perlu mencari alternatif terbaik supaya kedua-dua kecekapan ini dapat dicapai secara serentak serta kecekapan agihan zakat yang optimum dan adil dapat dilakukan.

Berdasarkan Jadual 5, nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik. Kajian mendapati hanya tiga buah negeri sahaja menunjukkan nilai purata skor di bawah 0.46 sepanjang tahun kajian iaitu institusi MAINPP, MAIDAM dan MUIS. MUIS telah mencatatkan nilai purata paling rendah iaitu 0.38 menunjukkan skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik Manakala MAIS dan MAIJ masing-masing telah mencatatkan purata skor yang melebihi 0.46 iaitu masing-masing bernilai 0.47 dan 0.50 sepanjang tahun 2000 hingga 2013. Dapatan analisis jelas menunjukkan hampir kesemua institusi mencapai skor kecekapan keutamaan asnaf yang baik iaitu menghampiri 0.46. Ini menunjukkan wang zakat telah diagihkan hampir mengikut kepentingan kategori asnaf mazhab Imam Syafie. Manakala bari kriteria SKORLZ, kesemua MAIN telah mencapai kriteria di bawah nilai 0.228 sepanjang 13 tahun bermula tahun 2000 hingga 2013.

Jadual 5 juga menunjukkan hasil analisis yang telah dilakukan dengan menggabungkan prestasi kewangan dan prestasi agihan zakat. Untuk pengukuran kecairan menunjukkan secara puratanya, kesemua MAIN melebihi nisbah minimum 40 peratus atau 0.4 sepanjang tahun 2000 hingga 2013. MAIDAM mempunyai indikator kecairan yang tertinggi iaitu 8.95 dan yang terendah ialah MAINPP iaitu 0.47. Bagi prestasi kesolvenan, hanya tiga institusi MAIN sahaja yang dapat dianalisis kerana institusi MAIJ dan MAIDAM tidak melaporkan item jumlah liabiliti (JL) dalam penyata kewangan. Institusi MAIS dan MAINPP telah mencapai kriteria kesolvenan melebihi nisbah minimum 20 peratus atau 0.2 nisbah kesolvenan dan tiada nisbah negatif dimana nisbah ATO/JL masing-masing ialah 1.48 dan 0.47. Namun begitu bagi MUIS, tidak mencapai kriteria kesolvenan kerana nilai nisbah kesolvenan yang kurang daripada 0.2 namun masih bernilai positif. Nisbah margin aliran tunai merupakan penunjuk keupayaan penajaan tunai yang lebih baik berbanding dengan nisbah lebihan pendapatan yang memberi tumpuan kepada akruan berdasarkan pendapatan perakaunan. Melihat kepada hasil nisbah, kajian mendapati kesemua MAIN telah menunjukkan prestasi yang paling baik bagi purata 13 tahun dengan mencatatkan nisbah yang positif dan agak besar nilai nisbah yang ingin dicapai. MAIDAM telah mencatatkan nisbah kriteria keuntungan yang tertinggi iaitu 35.54, diikuti oleh MAIJ (27.63), MAINPP (21.31), MAIS (13.94) dan akhirnya MUIS (8.44).

Hubungan antara prestasi kewangan dalam aspek kecairan, kesolvenan dan keuntungan dengan prestasi kecekapan agihan dalam aspek lebihan agihan zakat dan keutamaan asnaf dapat

dirumuskan dalam Jadual 5. Prestasi yang baik yang ditunjukkan oleh nilai skor dan min dalam kedua-dua aspek dapat ditunjukkan melalui nilai yang telah digelapkan. Berdasarkan Jadual 5, kajian mendapati secara umumnya terdapat hubungan yang sepadan antara prestasi kewangan dengan prestasi agihan zakat bagi hampir kesemua MAIN. Bagi institusi MAINPP, ia telah memenuhi kesemua kriteria menunjukkan kejayaan memenuhi kriteria prestasi pengurusan kewangan serta prestasi agihan zakat yang konsisten. Justeru hasil kajian ini berjaya membuktikan secara umumnya wujud hubungan yang sepadan antara prestasi kewangan MAIN dan prestasi pengagihan zakat oleh MAIN dan anak syarikat MAIN yang telah dikorporatkan.

Jadual 6 menunjukkan aspek pola pengagihan zakat tahunan kepada lapan asnaf oleh kelima-lima MAIN. Kajian mendapati institusi MAIS dan MAINPP amat menitik beratkan kesemua asnaf berdasarkan pola perubahan agihan asnaf tahunan. Ini dibuktikan dengan wujudnya perubahan pola agihan yang signifikan untuk hampir kesemua asnaf zakat. MAIS contohnya banyak memberi perhatian kepada enam asnaf kecuali asnaf muallaf dan *ibn sabil*. Manakala MAINPP pula banyak memberi perhatian kepada lima asnaf kecuali asnaf fakir dan muallaf. Institusi lain seperti MAIJ, MAIDAM dan MUIS memberi perhatian utama kepada asnaf berbentuk tradisional iaitu asnaf fakir, miskin dan amil. Kecuali MUIS yang ada pola yang signifikan dalam pengagihan kepada asnaf muallaf.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Secara keseluruhan, kelima-lima institusi zakat telah menunjukkan prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan yang semakin meningkat, walaupun nilai skor yang diperolehi kurang konsisten. Hasil analisis ini selari dengan perbincangan Eza Ellany et. al. (2014) yang mana jumlah lebihan agihan zakat di bawah nilai 0.228 peratus bagi skor kecekapan lebihan zakat adalah dianggap berprestasi baik walaupun belum mencapai tahap agihan yang optimum kepada 100 peratus. Namun begitu kajian ini berpendapat analisis aspek lebihan dana zakat perlu diperhalusi lagi kerana ia melibatkan perekodan jumlah kutipan zakat oleh hampir keseluruhan negeri yang sebahagian besarnya berlaku di akhir tahun iaitu di bulan Disember yang memungkinkan nilai kutipan ini tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan pada tahun berkenaan. Ini akan mewujudkan nilai jurang yang berbeza antara jumlah kutipan yang berlaku di akhir tahun dan jumlah pengagihan yang berlaku sepanjang tahun. Kajian ini juga mendapati institusi zakat juga telah berjaya meningkatkan prestasi agihan bukan kewangan ini dengan melaksanakan agihan yang adil mengikut keutamaan asnaf mazhab Imam Syafie. Oleh itu, institusi zakat perlu mencari alternatif terbaik supaya kedua-dua kecekapan ini dapat dicapai secara serentak serta kecekapan agihan zakat yang optimum dan adil dapat dilakukan.

Kajian mendapati prestasi SKORKA untuk kesemua MAIN adalah mencapai kriteria kajian Eza Ellany et. al. (2014) kecuali MAIS dan MAIJ. Namun begitu sebenarnya MAIS telah mencapai kriteria nilai skor SKORKA yang baik di bawah 0.46 bermula tahun 2005 lagi. Ini kerana nilai SKORKA tahun 2004 ke bawah adalah bernilai 0.62 yang merupakan nilai agak tinggi. Begitu juga dengan MAIJ, nilai kriteria nilai skor SKORKA secara konsistennya bernilai 0.46 bermula tahun 2008 menunjukkan institusi MAIJ telah memberi tumpuan kepada agihan keutamaan asnaf berbanding tahun sebelumnya. Malah nilai SKORKA bermula tahun 2000 hingga 2006, nilai SKORKA MAIJ agak tinggi iaitu bernilai 1.27. Kajian ini merumuskan bahawa kesemua MAIN telah mula memberi tumpuan agihan kepada asnaf-asnaf yang utama mengikut kriteria Imam Syafie. Namun beberapa isu perlu diberi perhatian. (1) Definisi keutamaan agihan asnaf yang mungkin berbeza antara mazhab-mazhab fiqh yang empat iaitu menurut Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Ini memerlukan satu kajian perbandingan antara empat mazhab. (2) Definisi asnaf yang berbeza terutamanya dalam mengkategorikan jenis program bantuan. Contohnya bantuan pendidikan bagi kebanyakan negeri adalah di bawah kategori asnaf *fisabilillah*. Namun bagi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), program bantuan pendidikan diletakkan di bawah asnaf *al-riqab* manakala bagi kes di Aceh, Indonesia, bantuan pendidikan adalah di bawah kategori asnaf *ibn-sabil*. Justeru perbezaan kategori asnaf akan menyebabkan kriteria nilai skor SKORKA di bawah 0.46 oleh Eza Ellany et. al. (2014) menjadi kurang tepat. Justeru perlu satu kajian lain yang membandingkan kriteria ini mengikut mazhab berbeza dan definisi asnaf yang berbeza.

Kajian mendapati pola pengagihan asnaf oleh setiap MAIN adalah berbeza. Untuk asnaf amil, pola pengagihan zakat mengikut siri masa menunjukkan perubahan tahunan yang signifikan bagi kesemua MAIN, namun mempunyai nilai hubungan (*sign*) dan nilai koefisien yang berbeza. Terdapat dua MAIN yang mempunyai nilai koefisien yang positif iaitu MAIS dan MAIDAM dan sebaliknya berhubungannya secara negatif untuk nisbah agihan tahunan bagi amil bagi MAIJ, MAINPP dan MUIS. MAIS adalah institusi yang mempunyai nilai koefisien yang positif dan tertinggi iaitu 1.237. Ini menunjukkan kenaikan 1.237% secara tahunan bahagian asnaf amil daripada jumlah keseluruhan

agihan. Ini mungkin disebabkan kenaikan jumlah kutipan zakat yang agak tinggi setiap tahun yang diraih oleh LZS-MAIS yang merupakan entiti korporat berbanding MAIN lain. Namun kajian ini juga merumuskan bahawa terdapat satu tren perubahan nisbah agihan amil yang semakin berkurangan daripada nilai keseluruhan agihan secara tahunan bagi MAINPP, MAIJ dan MUIS yang menunjukkan ketiga-tiga MAIN tersebut memberi tumpuan kepada asnaf yang lain terutamanya asnaf fakir dan miskin berbanding amil. Hasil kajian juga menunjukkan negeri yang telah mengkorporatkan kutipan serta agihan asnaf iaitu MAIS dan MAINPP telah memberi tumpuan kepada asnaf yang lebih menyeluruh berbanding asnaf fakir, miskin dan amil. Ini jelas menunjukkan prestasi pengurusan zakat yang semakin baik akibat pengkorporatan institusi zakat bukan sahaja berjaya meningkatkan jumlah kutipan zakat secara tahunan, malah telah berupaya mengagihkan zakat secara optimum. Ini dapat dilihat kepada (1) nilai SKORLZ bagi MAIS iaitu bernilai 0.05 dan MAINPP bernilai 0.07 yang menunjukkan secara puratanya sepanjang tahun 2000 hingga 2013, jumlah lebihan zakat adalah secara puratanya masing-masing bernilai 5 peratus dan 7 peratus iaitu hampir semua zakat dapat diagihkan dalam tahun berkenaan. (2) Institusi MAIS dan MAINPP juga telah berusaha meluaskan agihan zakat secara signifikan kepada asnaf yang kurang diberi perhatian oleh MAIN seperti asnaf *al-riqab*, asnaf *ibn-sabil* dan asnaf *al-gharimin*. Walaupun pola agihan zakat dan nilai koefisien yang tidak konsisten sepanjang tahun kajian, namun kajian ini menunjukkan perubahan agihan tahunan terhadap ketiga-tiga asnaf ini adalah signifikan. Akhirnya kajian ini mendapati, asnaf muallaf adalah signifikan hanya berlaku di negeri Sabah yang menunjukkan pola agihan zakat kepada saudara baru yang baru memeluk Islam yang sentiasa meningkat setiap tahun. Oleh itu peranan MUIS amat diperlukan untuk menguruskan dana ini. Ini adalah antara tujuan utama dan murni zakat untuk menarik ramai lagi manusia untuk memeluk Islam.

KESIMPULAN

Kecekapan prestasi agihan zakat merupakan sesuatu yang dipandang penting oleh masyarakat Islam terutama para pembayar zakat. Prestasi agihan zakat yang baik dan cekap mampu mempengaruhi kutipan zakat di masa akan datang. Prestasi pengagihan zakat amat bergantung kepada prestasi pengurusan kewangan oleh sesebuah institusi MAIN yang merupakan organisasi induk kepada institusi zakat. Prestasi pengurusan kewangan yang baik oleh sesebuah insituti MAIN bukan sahaja dapat membuat perancangan kewangan penggunaan input seperti pekerja, amil dan sebagainya malah ia juga memberi kesan yang positif terhadap pengurusan zakat terutamanya dalam aspek pengagihan zakat. Kajian ini berjaya membuktikan terdapat hubungan yang sepadan antara pengurusan kewangan MAIN dan pengurusan pengagihan zakat. Kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membuktikan pengkorporatan institusi zakat telah memberi impak yang positif terhadap pentadbiran zakat. Kajian yang lain perlu dilakukan seperti mengkaji aspek prestasi pengurusan harta wakaf samada wakaf am mahupun wakaf khas dan hubungannya dengan prestasi pengurusan kewangan dan zakat oleh MAIN. Prestasi kewangan oleh MAIN amat penting dalam memastikan perjalanan organisasi tersebut adalah lancar dan dapat mencapai matlamat terutamanya dalam aspek pengurusan zakat serta wakaf serta harta-harta lain yang berkaitan dengan harta umat Islam. Ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat Islam terhadap institusi MAIN sebagai institusi pemegang amanah.

RUJUKAN

- Abdul-Wahab, M., Syed Abdul Hamid, Mohd Azmi, O., Ghazali, A., Jamil, O. & Muhammad Arif. 1995. Malaysia: A Case study of Zakat Management. Dlm. Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications, disunting oleh eIAshker & Sirajul Haq, 297-378. Jeddah: IRTI/IDB.
- Ahmad Hidayat & Saidatul. 2014. Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika* 2(1): 125-134.
- Ahmad, I., & Ma'in, M. 2014. The Efficiency of Zakat Collection and Distribution: Evidence from Two Stage Analysis. *Journal of Economic Cooperation and Development* 35 (3), 133-170.
- Ahmad Shahir M. & Adibah A.W. 2010. Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam* (pp. 1-32). Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ajeel, A. A. 1995. A Case study of Zakat Management. In e.-A. a. Haq, *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, (pp. 259-295). Jeddah: IRTI/IDB.

- Andrés-Alonso, de P., Martín Cruz, N. & Romero-Merino, M.E. 2006. The governance of nonprofit organizations: Empirical evidence from nongovernmental development organizations in Spain. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 35(4): 588–604.
- Caldwell, B.J. & Spinks, J.M. 1988. *The Self Managing School*. London: Falmer Press
- Coleman, M., & Anderson, L. 2000. *Managing Finance and Resources in Education*. London: Paul Chapman Publishing Ltd.
- Dimmock, C., & Walker, A. 1998. Towards comparative educational administration, building the case for a cross cultural school based approach. *Journal of Educational Administration*, 36(4), 379-401.
- Eza Ellany, M. Rizal & M. Sabri, 2014. Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2), 51-60.
- Faiz M.I, Hairunnizam. W & Sanep. A. 2014. Perbandingan Diantara Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. *Proceedings of International Conference Muamalat, Economics & Islamic Finance. Bangi: Islamic Economics and Finance (EKONIS-UKM)*. Bangi: Faculty of Economics and Management, UKM.
- Fuadah J, Mohd Ali, A. F., & Ab. Aziz, M. R. 2015. A Review of Literatures on Current Zakat Issues: 2003-2013. *An Online International Research Journal*, 1(2). 336-363.
- Garner, C. W. 2004. *Education Finance For School Leaders: Strategic Planning and Administration*. New Jersey, NJ: Pearson.
- Hairunnizam. W, Sanep A, & Radiah A.K. 2009. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(2), 17-27.
- Hairunnizam W, Sanep A, & Mohd Ali M. N. 2004. Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research, No.1 Vol.1,* 151-166.
- Hoque, N., & Khan, M. A. 2015. Poverty alleviation by Zakah in a transitional. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 1-20.
- Ismail Hj Ahmad & Masturah Main. 2014. The efficiency of zakat collection and distribution: Evidence from two stage analysis. *Journal of Economics and Development* 35(3): 133-170.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak tahun 2000-2013.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu tahun 2000-2013.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam Kedah tahun 2000-2013.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam Pulau Pinang tahun 2000-2013.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam Selangor tahun 2000-2013.
- Laporan Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tahun 2000-2013.
- Mannan, M.A. 1986. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge: Hodder and Stroughton.
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md Idris & Ram Al Jaffri Saad. 2012. Ketelusan di dalam tadbir urus zakat. dalam Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Mohamad Uda Kasim. 2005. *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn
- Muhsin Paizin. 2013. Pelaksanaan Zakat di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan & Agihan Zakat. *Jurnal Hadhari* 6 (2), 97-111.
- Mosley, D. C., Pietri, P. H., & Jr, D. C. M. (2008). *Supervisory Managemet (Edisi Ke-7)*. Mason: Thomson South-Western.
- Norazlina W, & Abdul Rahim A.R. 2011. A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 2(1), 43-62.
- Open University Malaysia (OUM). (2008). *Administration of School Finance*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).
- Razak, M. I., Omar, R., Ismail, M., Amir hamzah, A. S., & Hashim, M. A. (2013). Overview of Zakat Collection in Malaysia: Regional Analysis. *American International Journal of Contemporary Research*, 140-148.
- Rashidah U, Sanep A & Hairunnizam W. 2015. Zakat: Analisis Perubahan Corak Agihan di Negeri Sembilan. Dalam Nor Aini Ali et.al (penyt). Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran zakat di Malaysia. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Redman, L. V., & Mory, A. (2009). *The Romance of Research*. Baltimore: The Williams & Wilkins Company.
- Valente, W. D., & Valente, C. M. (2001). *Law in the Schools*. New Jersey, NJ: Prentice Hall.

JADUAL 1: Penerangan nisbah aliran tunai yang digunakan

Nisbah	Formula	Penanda Aras	Ukuran
ATO kepada LS	ATO/LS	> 0.4	Kecairan
ATO kepada JL	ATO/JL	> 0.2	Kesolvenan
Margin Aliran Tunai	ATO/JP *100	nilai positif	Keuntungan

Nota: ATO = Aliran Tunai Aktiviti Operasi, LS = Liabiliti Semasa, JL = Jumlah Liabiliti, JP = Jumlah Pendapatan
 Sumber: Faiz, Hairunnizam & Sanep (2014)

JADUAL 2: Pengiraan Perbezaan Skor Maksimum untuk SKORKA

Skor Agihan Sebenar	Skor Agihan Institusi Terendah	Perbezaan Skor Maksimum
1	6	5
2	6	4
3	6	3
4	5	1
5	4	1
6	3	3
6	2	4
6	1	5
Jumlah		26

Sumber: Eza Ellany et al. (2014)

JADUAL 3: Skor Agihan Sebenar Mazhab Imam Syafie

Bil	Kategori Asnaf	Skor Agihan
1	al-Fuqara' (golongan fakir)	1
2	al-Masakin (golongan miskin)	2
3	Amil	3
4	al-Gharimin (golongan berhutang)	4
5	Ibn sabil (golongan bermusafir)	5
6	Muallaf	6
7	al-Riqab (hamba)	6
8	Fi-sabilillah (golongan berjuang di jalan Allah)	6

Sumber: Eza Ellany et al. (2014)

JADUAL 4: Perbandingan Prestasi Aliran Tunai dan Kecekapan Agihan Zakat oleh MAIN (Tahun 2000-2013)

MAIN	Kecairan (ATO/LS)					Nilai skor kecekapan agihan zakat					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf				
	MAIN	Kecairan (ATO/LS)				Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)				
		2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003	2012	2013
MAIDAM		0.25	0.13	0.55	0.3	0.19	0.26	0.21	0.45	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46
MAIJ	0.81	0.28	-0.12	6.89	0.32	0.118	0.035	0.0	0.16	0.200	0.5	0.46	0.46	0.46	0.46
MUIS	1.29	2.82	1.73	24.59	-2.34	0.04	0.21	0.04	0.25	0.01	0.46	0.38	0.23	0.38	0.38
MAIS	-0.4	-0.83	1.04	0.55	1.7	0.0	0.0	0.05	0.11	0.1	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38
MAINPP	0.31	0.09	0.25	0.19	0.59	0.0	0.0	0.07	0.05	0.11	0.38	0.38	0.38	0.46	0.46

MAIN	Kesolvenan (ATO/JL)					Nilai skor kecekapan agihan zakat					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf				
	2009	2010	2011	2012	2013	Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)				
	2009	2010	2011	2012	2013	2009	2010	2011	2012	2013	2009	2010	2011	2012	2013
MAIDAM	na	na	na	na	na	0.3	0.19	0.26	0.21	0.45	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46
MAIJ	na	na	na	na	na	0.118	0.035	0.0	0.16	0.200	0.5	0.46	0.46	0.46	0.46
MUIS	0.05	0.08	0.06	0.50	-0.04	0.04	0.21	0.04	0.25	0.01	0.46	0.38	0.23	0.38	0.38
MAIS	-0.36	-0.75	1.01	0.54	1.7	0.0	0.0	0.05	0.11	0.1	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38
MAINPP	0.31	0.09	0.25	0.19	0.59	0.0	0.1	0.07	0.05	0.11	0.38	0.38	0.38	0.46	0.46

MAIN	Keuntungan (ATO/JP) [%]					Nilai skor kecekapan agihan zakat					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf				
	2009	2010	2011	2012	2013	Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)					Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)				
	2009	2010	2011	2012	2013	2009	2010	2011	2012	2013	2009	2010	2011	2012	2013
MAIDAM	32.84	28.43	29.61	25.05	42.64	0.3	0.19	0.26	0.21	0.45	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46
MAIJ	23.85	9.48	-5.26	25.13	9.3	0.118	0.035	0.0	0.16	0.200	0.5	0.46	0.46	0.46	0.46
MUIS	12.91	25.96	17.57	65.78	-6.97	0.04	0.21	0.04	0.25	0.01	0.46	0.38	0.23	0.38	0.38
MAIS	-4.81	-6.56	20.01	5.9	13.26	0.0	0.0	0.05	0.11	0.1	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38
MAINPP	31.85	9.35	21.1	14.19	40.53	0.0	0.0	0.07	0.05	0.11	0.38	0.38	0.38	0.46	0.46

Nota: ATO/LS; nilai > 0.4 memenuhi kriteria kecairan,
 ATO/JL; nilai > 0.2 memenuhi kriteria kesolvenan,
 ATO/JP; nilai positif memenuhi kriteria keuntungan.
 SKORLZ: nilai antara 0 hingga 1; lebihan zakat di bawah nilai 0.228 adalah sebagai skor terbaik.
 SKORKA: nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik.
 na: tiada data

sambungan..

MAIDAM	na	2.64	4.58	3.72	na	0.33	0.31	0.14	na	0.46	0.46	0.46
MAIJ	1.64	2.33	0.09	1.36	0.51	0.285	0.023	0.218	0.54	0.54	0.54	0.54
MUIS	4.60	-6.30	13.25	6.34	0.32	0.15	0.78	0.46	0.46	0.46	0.38	0.31
MAIS	na	na	-1.21	11.02	na	na	0.0	0.15	na	na	0.62	0.62
MAINPP	0.95	1.4	1.11	0.75	0.24	0.22	0.24	0.13	0.38	0.46	0.38	0.38
MAIN	Kesolvenan (ATO/JL)				Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)				Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)			
	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003
MAIDAM	na	na	na	na	na	0.33	0.31	0.14	na	0.46	0.46	0.46
MAIJ	na	na	na	na	na	0.285	0.023	0.218	0.54	0.54	0.54	0.54
MUIS	4.60	-6.30	0.12	0.02	0.32	0.15	0.78	0.46	0.46	0.46	0.38	0.31
MAIS	na	na	-1.21	11.02	na	na	0.0	0.15	na	na	0.62	0.62
MAINPP	0.95	1.4	1.11	0.75	0.24	0.22	0.24	0.13	0.38	0.46	0.38	0.38
MAIN	Keuntungan (ATO/JP) [%]				Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)				Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)			
	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003
MAIDAM	na	23.16	28.82	20.58	na	0.33	0.31	0.14	na	0.46	0.46	0.46
MAIJ	73.56	65.53	2.64	47.96	0.51	0.285	0.02	0.218	0.54	0.54	0.54	0.54
MUIS	18.83	-47.14	65.18	18.49	0.32	0.15	0.78	0.46	0.46	0.46	0.38	0.31
MAIS	na	na	-10.47	60.76	na	na	0.0	0.15	na	na	0.62	0.62
MAINPP	13.41	45.93	32.1	18.83	0.24	0.22	0.24	0.13	0.38	0.46	0.38	0.38

Nota: ATO/LS; nilai > 0.4 memenuhi kriteria kecairan,
ATO/JL; nilai > 0.2 memenuhi kriteria kesolvenan,
ATO/JP; nilai positif memenuhi kriteria keuntungan.
SKORLZ: nilai antara 0 hingga 1; lebihan zakat di bawah nilai 0.228 adalah sebagai skor terbaik.
SKORKA: nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik.
na: tiada data

JADUAL 5: Nilai Purata Indikator Prestasi Pengurusan Zakat

Indikator	Majlis Agama Islam Negeri				
	MAIS ¹	MAINPP ¹	MAIJ ²	MAIDAM ²	MUIS ²
Kecairan ³ (ATO/LS)	1.97	0.47	1.28	8.95	3.32
Kesolvenan ⁴ (ATO/JL)	1.48	0.47	na	na	0.06
Keuntungan ⁵ (ATO/JP)	13.94	21.31	27.63	35.34	8.44
SKORKA ⁶	0.47	0.40	0.50	0.46	0.38
SKORLZ ⁷	0.05	0.07	0.17	0.28	0.23

Nota: ¹ Kutipan dan agihan zakat telah dikorporatkan

² Kutipan dan agihan zakat dibawah tanggungjawab baitulmal

³ ATO/LS; nilai > 0.4 memenuhi kriteria kecairan,

⁴ ATO/JL; nilai > 0.2 memenuhi kriteria kesolvenan,

⁵ ATO/JP; nilai positif memenuhi kriteria keuntungan.

⁶ SKORLZ: nilai antara 0 hingga 1; lebih zakat di bawah nilai 0.228 adalah sebagai skor terbaik.

⁷ SKORKA: nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik.

na: tiada data

JADUAL 6: Hasil Regresi Peratus Agihan Zakat Mengikut Asnaf (2001-2013)

Asnaf	Majlis Agama Islam Negeri ¹				
	MAIS ³	MAINPP ³	MAIJ ⁴	MAIDAM ⁴	MUIS ⁴
Fakir ²	1.094* (0.242)	0.088 (0.054)	1.879* (0.293)	0.784* (0.279)	3.017* (0.508)
Miskin	-1.162* (0.249)	1.619* (0.322)		-1.268 (0.803)	-4.161* (0.963)
Amil	1.237* (0.372)	-0.593* (0.143)	-1.108* (0.241)	0.716* (0.326)	-0.756* (0.236)
Muallaf	-0.006 (0.097)	0.125 (0.074)	-0.117 (0.081)	0.095 (0.068)	0.703* (0.090)
Al-riqab	0.178* (0.046)	-	-	0.008 (0.021)	-
Ibn Sabil	0.024 (0.230)	-0.014* (0.006)	0.007 (0.008)	0.007 (0.011)	-0.004 (0.006)
Al-gharimin	0.550* (0.201)	-0.569* (0.119)	0.092 (0.052)	0.010 (0.007)	0.138 (0.128)
Fisabilillah	-1.912* (0.464)	-0.656* (0.173)	-0.749 (0.502)	-0.353 (0.568)	1.063 (0.658)

Nota: ¹ berasaskan model (1) $Y = a + bt$ dimana Y adalah peratus agihan zakat mengikut asnaf manakala t adalah nilai masa bagi corak.

² untuk MAIJ asnaf fakir dan miskin digabungkan. Sejak tahun 2007 data kedua-dua asnaf ini telah diasingkan

³ Kutipan dan agihan zakat telah dikorporatkan

⁴ Kutipan dan agihan zakat dibawah tanggungjawab baitulmal

* signifikan pada aras keertian 5%